



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj Kami : SKM.IP (AM): 7964 SJ.5 JLD.4 (13)

Tarikh : 28 Ogos 2026

Surat ini dikelilingkan kepada—

Semua Koperasi

Tuan,

**ARAHAN PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 DAN
PERATURAN 17 PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010 BAGI
PERIHAL PERWAKILAN SUATU KOPERASI**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan **Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 4 Tahun 2026** berhubung dengan **Pemakaian Seksyen 37 Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] dan Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 (PPK 2010) Bagi Perihal Perwakilan Suatu Koperasi.**

3. Suruhanjaya mendapati terdapat ketidakselarasan antara amalan dalam pelaksanaan perihal perwakilan sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam perundangan koperasi.

4. Selepas kajian ke atas isu ini, Suruhanjaya berpandangan tindakan intervensi perlu diambil oleh koperasi seperti berikut:

- (a) membuat semakan UUK dan mendapatkan bimbingan serta nasihat sewajarnya daripada Suruhanjaya Cawangan Negeri; dan

Ruj Kami : SKM.IP (AM): 7964 SJ.5 JLD.4 (13)

Tarikh : 28 Ogos 2026

- (b) membuat pindaan kepada UUK bagi fasal berkaitan perihal perwakilan agar selaras dengan peruntukan Akta 502 dan PPK 2010.

5. Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 4 Tahun 2026: Pemakaian Seksyen 37 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 Bagi Perihal Perwakilan Suatu Koperasi hendaklah berkuat kuasa pemakaiannya mulai **1 September 2026**.

6. Tindakan intervensi oleh koperasi hendaklah selaras dengan **Garis Masa Arahan** ini dan diselesaikan sebelum atau pada **31 Disember 2028**. Kegagalan koperasi untuk mengambil tindakan dan mematuhi Arahan ini selepas tarikh tersebut adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta 502 dan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

b.p Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2026

PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 DAN PERATURAN 17 PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010 BAGI PERIHAL PERWAKILAN SUATU KOPERASI

**DIKELUARKAN PADA 1 SEPTEMBER 2026
NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7964 SJ.5 JLD.4**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A : PENGENALAN	1
BAHAGIAN B : TINDAKAN INTERVENSI	5
BAHAGIAN C : GARIS MASA BAGI TINDAKAN INTERVENSI	6
BAHAGIAN D : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	7
LAMPIRAN : FASAL 26 UNDANG-UNDANG KECIL	9

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan arahan berhubung dengan pemakaian seksyen 37 Akta 502 dan peraturan 17 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 (PPK 2010) bagi perihal perwakilan suatu koperasi.

LATAR BELAKANG

2. Akta 502 telah memperuntukkan bahawa—

(a) **Seksyen 37 : Mesyuarat agung perwakilan**

Suatu koperasi yang kawasan operasinya meliputi satu (1) Negeri, meliputi dua (2) Negeri atau lebih atau meliputi seluruh Malaysia hendaklah membuat undang-undang kecil (UUK) yang memperuntukkan bahawa perwakilan di mesyuarat agungnya hendaklah—

- (i) melalui perwakilan yang dipilih oleh anggota individu pada mesyuarat agung wilayah atau kawasan (MAK) bagi koperasi asas; atau
- (ii) melalui perwakilan koperasi anggota bagi koperasi menengah atau atasan.

(b) **Seksyen 36 : Mesyuarat agung**

Kehadiran anggota dalam mesyuarat agung tahunan (MAT)—

- (i) koperasi asas, adalah sama ada melalui diri sendiri (individu) atau melalui perwakilan yang dipilih oleh anggota individu pada MAK; atau
- (ii) koperasi menengah atau atasan, hendaklah melalui proksi atau perwakilan koperasi anggota.

(c) **Seksyen 39 : Mesyuarat agung tahunan**

Koperasi hendaklah mengadakan mesyuarat agung tahunan anggota atau perwakilannya tidak lewat dari enam (6) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(d) **Seksyen 42 : Lembaga koperasi**

Tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak lebih 15 orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada MAT.

3. Perihal perwakilan diperjelaskan dalam PPK 2010:

(a) **Peraturan 17 : Urusan mesyuarat agung wilayah atau kawasan**

- (i) MAK hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua (2) bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan (MAPT);
- (ii) urusan MAK termasuklah pemilihan perwakilan ke MAPT koperasi; dan
- (iii) tempoh sah perwakilan yang dipilih adalah dua (2) tahun dari tarikh pemilihan perwakilan itu.

(b) **Peraturan 15 : Kuorum bagi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas**

Kuorum bagi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas dalam hal suatu koperasi yang dihadiri oleh perwakilan, kuorum adalah tidak kurang daripada satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada jumlah keseluruhan perwakilan koperasi itu, yang menghadiri mesyuarat itu.

(c) **Peraturan 18 : Pelantikan dan tempoh jawatan anggota Lembaga**

Lembaga Koperasi hendaklah sekurang-kurangnya satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripadanya mengosongkan jawatan pada setiap tahun di MAT dan berhak untuk dilantik semula.

4. Selanjutnya, dalam hal ini, peruntukan dalam Akta 502 dan PPK 2010 diperincikan dalam UUK seperti yang berikut:

(a) **Fasal 26 : Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan**

Perihal pemilihan perwakilan dan urusan MAK memperincikan perwakilan bagi suatu koperasi di mana—

- (i) Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung (MAK) untuk memilih perwakilan ke MAPT mengikut ketetapan dalam UUK;
- (ii) urusan MAK:
 - (A) setiap kawasan mesyuarat dan bilangan perwakilan yang dipilih bagi kawasan tersebut hendaklah mengikut nisbah anggota sepertimana didaftarkan dalam UUK;
 - (B) hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran keanggotaan berhak menerima notis untuk hadir MAK, mempunyai satu (1) undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke MAPT;
 - (C) kuorum kehadiran hendaklah satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat atau jumlah yang dinyatakan dalam UUK; dan
 - (D) anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam MAK.
- (iii) di bawah fasal 26(10), seseorang anggota Lembaga hendaklah—
 - (A) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam MAPT yang diadakan;
 - (B) menjadi seorang perwakilan dalam MAPT walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
 - (C) menjadi perwakilan sehingga MAK terdekat.

(b) **Fasal 35 : Anggota Lembaga**

Bagi koperasi yang diperuntukkan dalam UUKnya kehadiran perwakilan ke MAPT, **Lembaga Koperasi hendaklah terdiri daripada perwakilan** yang dipilih oleh MAPT menurut seksyen 42 Akta 502.

(Rujukan kepada Fasal UUK adalah terpakai secara seragam, melainkan dinyatakan sebaliknya.)

ISU DAN PERMASALAHAN

5. Suruhanjaya mendapati terdapat ketidakselarasan antara amalan dalam pelaksanaan perihal perwakilan sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam perundangan koperasi seperti berikut:

(a) Pemakaian fasal 26(2) UUK—

- (i) pemilihan perwakilan dalam sesuatu kawasan yang telah melebihi daripada bilangan perwakilan yang diperuntukkan dalam UUK; dan
- (ii) anggota Lembaga yang masih memegang jawatan dan bersifat kekal bukanlah seorang perwakilan yang mewakili daripada mana-mana kawasan.

(b) Senario pemakaian fasal 26(10) UUK di mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah fasal 35 UUK—

- (i) dianggap sebagai perwakilan bermula dari tarikh dia menjadi anggota Lembaga;
- (ii) tidak melalui pemilihan semula sebagai perwakilan dalam MAK walaupun telah melangkau dua (2) tahun tempoh sah sebagai perwakilan;
- (iii) boleh hadir ke MAPT sebagai perwakilan walaupun tempoh sah perwakilan telah tamat;
- (iv) layak dilantik semula sebagai anggota Lembaga apabila tiba tempoh penggugurannya; dan

- (v) kekal sebagai perwakilan dalam MAPT dan hanya hilang perwakilannya dalam MAK apabila tidak dilantik semula sebagai anggota Lembaga dalam MAPT.

6. Isu dan permasalahan amalan ini memberi implikasi berikut:

- (a) Koperasi mengguna pakai fasal 26(10) UUK di mana anggota Lembaga yang dilantik dalam MAPT kekal sebagai perwakilan dan tidak perlu melalui pemilihan perwakilan dalam MAK; dan
- (b) anggota Lembaga tersebut boleh dan layak dilantik semula di MAPT apabila tiba tempoh penggilirannya tanpa perlu melalui pemilihan dalam MAK.

BAHAGIAN B: TINDAKAN INTERVENSI

7. Selepas kajian ke atas isu dan permasalahan berkaitan perihal perwakilan dan implikasi pelaksanaannya bagi koperasi yang diperuntukkan dalam UUKnya sebagai koperasi perwakilan, koperasi hendaklah mengambil tindakan intervensi seperti berikut:

(a) **Semakan ke atas UUK**

Koperasi perwakilan hendaklah mengambil tindakan dengan membuat semakan UUK dan mendapatkan bimbingan dan nasihat sewajarnya daripada Suruhanjaya Cawangan Negeri.

(b) **Pindaan ke atas UUK**

- (i) Koperasi perwakilan diarahkan untuk membuat pindaan kepada UUK bagi fasal berkaitan perihal perwakilan agar selaras dengan peruntukan Akta 502 dan PPK 2010;
- (ii) Pindaan ke atas UUK perwakilan seragam akan menetapkan perkara berikut:

- (A) MAPT hendaklah dihadiri oleh perwakilan;
 - (B) anggota Lembaga hendaklah dari kalangan perwakilan yang dipilih dalam MAK;
 - (C) anggota Lembaga yang masih mempunyai baki tempoh pemegangan jawatan tetapi bukan lagi seorang perwakilan dalam kawasan yang diwakilinya, dia hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan yang bersifat sementara (interim) bagi menjalankan peranannya sebagai anggota Lembaga sehingga MAPT yang terdekat diadakan bagi memilih penggantinya sebagai Lembaga;
 - (D) namun, anggota Lembaga yang menjadi perwakilan interim ini tiada hak untuk mengundi dan tidak boleh dicalonkan semula sebagai anggota Lembaga;
 - (E) selepas MAPT selesai diadakan, status perwakilan interim bagi anggota Lembaga tersebut akan terbatal dengan sendirinya dan hilanglah haknya sebagai seorang perwakilan; dan
 - (F) sekiranya dia berhasrat untuk hadir ke MAPT dan bertanding semula sebagai Lembaga dalam MAPT yang akan datang, dia hendaklah dipilih sebagai perwakilan dalam MAK terlebih dahulu (sebelum MAPT).
- (iii) draf fasal 26 UUK perwakilan seragam adalah seperti di **Lampiran**.

BAHAGIAN C: GARIS MASA UNTUK TINDAKAN INTERVENSI

8. Koperasi hendaklah—

- (a) membuat semakan status setiap anggota Lembaga adalah perwakilan yang dipilih dalam MAK;

- (b) memastikan anggota dan calon anggota Lembaga hendaklah dalam kalangan perwakilan yang dipilih dalam MAK dan mengambil tindakan sewajarnya jika anggota Lembaga yang dipilih tanpa atau tidak melalui MAK;
- (c) memastikan bilangan perwakilan bagi suatu kawasan hendaklah termasuk perwakilan yang dilantik sebagai anggota Lembaga dalam MAPT;
- (d) koperasi hendaklah mengadakan MAK dalam tempoh dua (2) bulan sebelum MAPT diadakan sebagaimana menurut subperaturan 17(1) 2010, termasuklah—
 - (i) membentangkan cadangan pindaan UUK bagi perwakilan; dan
 - (ii) pemilihan perwakilan;
- (e) mengadakan MAPT dengan kehadiran perwakilan yang dipilih dalam MAK dan membentangkan cadangan pindaan UUK bagi perwakilan; dan
- (f) mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran pindaan UUK kepada Suruhanjaya dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh MAPT yang meluluskan cadangan pindaan itu selaras dengan subperaturan 7(4) PPK 2010.

BAHAGIAN D: PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9. Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan peruntukan Akta 502, peraturan-peraturan, perintah, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya serta perundangan bertulis yang lain.

10. **Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 4 Tahun 2026: Pemakaian Seksyen 37 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 Bagi Perihal Perwakilan Suatu Koperasi** telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya Koperasi

Malaysia Bilangan 4 Tahun 2026 bertarikh 14 April 2026 dan dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Bilangan 2 Tahun 2026 pada 18 Mei 2026 untuk dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 September 2026 hingga 31 Disember 2028**.

11. Kegagalan koperasi untuk mengambil tindakan dan mematuhi Arahan ini selepas tarikh tersebut adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta 502 dan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.

12. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan ini boleh dirujuk kepada—
Pengarah
Bahagian Statutori dan Pendaftaran
Aras 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tarikh: **28** Ogos 2026

DRAF FASAL 26 UUK KOPERASI

Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan

26. (1) Lembaga boleh menentukan kawasan yang hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya orang anggota.

(2) Menurut subperaturan 17(1) Peraturan, mesyuarat agung kawasan bagi tiap-tiap kawasan hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(3) Lembaga hendaklah memanggil mesyuarat agung kawasan dengan memberikan notis dalam tempoh lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat itu berhubung dengan—

- (a) tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat; dan
- (b) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.

(4) Mesyuarat agung kawasan hendaklah membentangkan yang berikut—

- (a) akaun teraudit Koperasi, atau draf akaun;
- (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
- (d) pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi; dan
- (e) cadangan daripada Lembaga dan anggota, jika ada.

(5) Cadangan di bawah perenggan (e) fasal (4) hendaklah dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan.

(6) Hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 16 pada **bulan** sebelum mesyuarat agung kawasan mempunyai hak untuk menerima notis untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu dan layak menjadi seorang perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(7) Anggota yang layak di bawah fasal (6) tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam sesuatu mesyuarat agung kawasan.

(8) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak di bawah fasal (6) atau **orang**, mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan.

(9) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal (2). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki menurut fasal (8), maka mesyuarat hendaklah dibatalkan dan perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.

(10) Anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih dalam kalangan mereka seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butiran mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat itu dan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat agung kawasan diadakan.

(11) Bilangan perwakilan yang dipilih dalam sesuatu mesyuarat agung kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:

- (a) bagi tiap-tiap orang anggota, perwakilan; dan
- (b) jumlah keseluruhan perwakilan tidak melebihi orang.
- (c) perwakilan yang dipilih adalah sah selama tempoh dua tahun dari tarikh pemilihan perwakilan itu.

(12) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota atau sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan baru.

(13) Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.

(14) Seseorang anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan dan tidak dipilih sebagai perwakilan dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(15) Walau apa pun fasal (14), anggota Lembaga berkenaan tiada hak untuk mengundi dan tidak boleh dicalonkan semula sebagai anggota Lembaga.

(16) Status perwakilan anggota Lembaga di bawah fasal (14) akan terbatal dengan sendirinya setelah selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan untuk memilih penggantinya. Maka, hilanglah haknya sebagai perwakilan.